

Longgokan sampah, pembangunan pesat antara punca pembiakan nyamuk Aedes Selangor paling tinggi kes denggi

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Selangor menjadi negeri paling tinggi merekodkan kes demam denggi iaitu sebanyak 39,158 kes membabitkan 59 kematian yang dilaporkan dalam tempoh Januari lalu sehingga semalam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (**gambar kecil**) berkata, Selangor mencatatkan rekod tertinggi wabak denggi berbanding negeri lain di negara ini disebabkan faktor longgokan sampah akibat kutipan sisa buangan yang tidak terurus.

Selain itu, katanya, negeri tersebut juga merupakan kawasan bandar dan terdapat banyak tapak projek pembangunan.

"Jadi, ini antara puncunya

mengapa negeri ini merekodkan jumlah tertinggi dalam kes denggi. Semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik kediaman perlu menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes serta tidak membiarkan air bertakung," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar kali keempat Hospital Kuala Lumpur (HKL) Burn di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di sini semalam.

Hadir sama Ketua Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif HKL, Dr. Normala Basiron.

Hilmi berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan kes

denggi yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan semalam dengan sejumlah 71,892 kes dicatatkan di seluruh negara dan Selangor adalah negeri yang mempunyai kes tertinggi.

Wilayah Persekutuan pula merupakan negeri kedua yang mempunyai kes demam denggi tertinggi iaitu 6,785 kes, diikuti Johor (6,511) dan Perak (4,896).

Hilmi memberitahu, bagaimanapun, jumlah kes demam denggi di Selangor tidak berada pada tahap membimbangkan dan kes tersebut masih menunjukkan trend penurunan sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.



LONGGOKAN sampah berikutan kutipan sisa buangan yang tidak terurus antara punca pembiakan nyamuk Aedes. - Gambar hiasan